

Syor disatukan berbagai seni pertahankan diri

PENCAK SILAT - SENI PERTAHANAN DIRI

PERSATUAN Jurulatih Seni Mempertahankan Diri Singapura harus menganjurkan kursus-kursus dalam berbagai bidang seni mempertahankan diri di samping cuba menyatukan beberapa ciri berlainan yang terdapat pada seni-seni itu.

Ini telah disarankan oleh Encik Lee Khoon Choy, Menteri Negara Kanan (Pejabat Perdana

Menteri) merangkap presiden persatuan tersebut, ketika berucap di majlis ulangtahun ketiga persatuan, di Restoran Southron Theatre malam kemari.

Tegasnya, para jurulatih seni itu boleh mengadakan kursus-kursus khas untuk mengajar seni mempertahankan diri seperti hup ki-do, tae kwan do, tan so-do, judo, aikido, karate, tai-chi atau seni silat.

Katanya: "Sekiranya mereka yang berminat dapat mempelajari bermacam-macam jenis seni mempertahankan diri di sini, sudah tentu mereka akan lebih berpengetahuan dalam bidang ini dari mereka yang mengetahui hanya satu seni."

Tergesa2

Beliau juga menarik perhatian bahawa dengan adanya usaha menyatukan ciri-ciri berlainan yang terdapat pada seni mempertahankan diri di sini, satu corak seni mempertahankan diri bercorak Singapura dapat diwujudkan.

Bagaimanapun, Encik Lee mengingatkan supaya mereka yang terlibat dalam usaha ini tidak tergesa-gesa untuk membentuk corak seni mempertahankan diri Singapura yang dimaksudkan itu kerana ia mungkin akan mengakibatkan wujudnya satu seni yang tidak asli.

Bercakap tentang persatuan tersebut pula, beliau berkata bahawa tugas yang paling berat yang perlu dihadapi oleh persatuan itu ialah bagaimana hendak menjadikan para anggotanya lebih berfikiran luas dan terbuka berhubung dengan seni ini.

Berkumpul

Katanya, ramai penggemar seni ini berfikiran agak sempit dalam erti kata mereka hanya tahu tentang seni mempertahankan diri yang mereka pelajari dari persatuan-persatuan mereka.

Encik Lee berkata bahawa amat baik sekali bagi mereka untuk mempelajari ciri-ciri seni mempertahankan diri lain kerana tidak ada seni itu yang benar-benar sempurna.

Ada seni yang terpuji dari segi penggunaan kaki, ada pula dalam segi penggunaan tangan dan penumbuk. Oleh itu, adalah baik jika mereka dapat berkumpul dan belajar dari satu sama lain, kata beliau.

Khidmat pos
28 AUG 1982
gerak cepat

diperluaskan

PESAKSI POS SEJEN
MULAI 1 September ini, perkhidmatan pos gerak cepat ke Korea Selatan akan diluaskan ke bandar-bandar Bucheon, Changwon, Ceongju, Chuncheon, Donghae, Gangneong, Gumi, Gunsan, Gyeongju, Iri, Jeonju, Jinju, Mokpo, Pohang, Suwon, Ulsan, Wonju dan Yeosu.

Perkhidmatan ini adalah sebagai tambahan kepada perkhidmatan di bandar-bandar Busan, Daegu, Daejeon, Gwangju, Incheon, Jeju, Masan dan Seoul.